

12 JUN 2001

Puteri-Kempen

PUTERI UMNO TARIK LEBIH ANGGOTA MELALUI KEMPEN BERGERAK

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Puteri Umno bercadang untuk mengadakan kempen bergerak di setiap negeri bermula 24 Jun ini bagi menambah lagi keanggotaannya.

Ketua Penajanya Azalina Othman berkata kempen itu akan bermula di Wilayah Persekutuan pada 24 Jun dan berakhir dengan majlis pelancaran rasmi Puteri Umno oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Ogos.

Azalina berkata Puteri Umno mensasarkan sekurang-kurangnya 2,000 anggota dari setiap negeri akan menyertai Puteri Umno sepanjang kempen itu.

"Pelancaran kempen bergerak ini akan dilakukan oleh Menteri Besar di setiap negeri dan bagi Kelantan dan Pulau Pinang ia akan dilakukan oleh Ketua Perhubungan Negeri masing-masing," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga jawatankuasa Puteri Umno di sini hari ini.

Sehingga kini, beliau berkata Puteri Umno menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai khususnya golongan wanita muda.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah permohonan untuk menjadi anggota Puteri Umno.

"Kita tunggu sahaja pengumumannya pada majlis pelancaran Puteri Umno Ogos akan datang," kata Azalina.

Pada mesyuarat itu, beliau mengumumkan nama tiga anggota exco pusat penaja yang baru termasuk seorang editor yang kini bertugas di akhbar Utusan Malaysia, Siti Rohayah Atan.

Dua lagi ialah Habibah Mohd Shariff, 31, penyelia di sebuah kilang, dan Fahariyah Md Nordin, 22, yang juga dilantik sebagai Ketua Puteri Umno Johor menggantikan Hazlina Jalil.

Dalam perkembangan lain, Azalina menafikan tuduhan yang mengatakan Puteri Umno terlibat dalam pengedaran borang di salah sebuah universiti baru-baru ini.

Menurut Azalina, beliau tidak pernah mengarahkan mana-mana pihak supaya mengedarkan borang berkenaan di universiti terbabit apatah lagi membuka kaunter pendaftaran seperti yang didakwa oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Mahfuz Omar baru-baru ini.

"Mungkin ini perbuatan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba untuk memburuk-burukkan imej Puteri Umno," katanya.

-- BERNAMA

FSM AHH RHM